

# *UMNO Pahang tidak ketandusan pemimpin2 muda*

BENTONG, Isnin — UMNO Pahang kini tidak ketandusan pemimpin muda yang boleh dididik, diasuh dan dibentuk untuk dijadikan pemimpin masa depan yang berkualiti, kata Menteri Besar, Datuk Haji Abdul Rashid Abdul Rahman.

Katanya, ramai juga pemimpin muda yang boleh dilantik menjadi pemimpin dan mengetahui sedalam-dalamnya kehendak hati kecil rakyat seluruhnya.

Belliau, menyeru Pergerakan Pemuda UMNO negeri ini menggembleng tenaga dan bergerak cergas sebagai langkah persediaan menghadapi pilihanraya akan datang.

Datuk Haji Abdul Rashid juga berharap pemimpin-pemimpin

muda tidak mempunyai pemikiran yang sempit sehingga menimbulkan berbagai masalah.

Menteri Besar berkata demikian ketika merasmikan kursus sehari kepimpinan masyarakat bagi Pemuda UMNO Bahagian Bentong di bangunan UMNO di sini petang semalam.

## **Menyeluruh**

Belliau juga mengingatkan Pemuda UMNO tentang perlunya mereka meluaskan kegiatan secara menyeluruh iaitu tidak terhad kepada kegiatan anjuran parti sahaja dan mereka hendaklah menyertai semua kegiatan masyarakat yang berfaedah untuk ramai.

Belliau berpendapat, bagi mewujudkan pemimpin yang sesuai untuk keadaan semasa

mereka hendaklah mempunyai daya pemikiran yang luas, produktif dan bekerja kuat.

Datuk Haji Abdul Rashid juga berkata, beliau bersetuju dengan saranan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Pahang, Datuk Najib Tun Razak baru-baru ini supaya ahli-ahli UMNO memikirkan untuk melahirkan pemimpin barisan pelapis di kalangan UMNO Pahang.

Sementara itu Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri, Encik Abdul Malik Mohammad yang juga Ketua UMNO Bahagian Bentong berkata, semakin ramai golongan intelek muda di negeri ini menjadi ahli UMNO.

Katanya, ini bermakna UMNO telah diterima oleh semua peringkat rakyat di negara ini.